

13 APR 2002

Pemuda-Kelantan

PEMUDA UMNO KELANTAN BERDIRI TEGUH DI BELAKANG MUSTAPA

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Pemuda Umno Kelantan berdiri teguh di belakang kepimpinan Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dalam memperkukuhkan parti bagi menghadapi Pas, terutama dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein berkata pendirian itu telah dinyatakan kepadanya dalam pertemuan dengan ketua-ketua Pemuda negeri baru-baru ini ketika timbul isu 12 pemimpin Umno bahagian yang dikatakan mahu supaya kepimpinan Umno negeri itu ditukar.

"Saya telah menasihati ketua-ketua Pemuda mengenai perkara itu dan mereka membuat keputusan untuk berdiri teguh di belakang kepimpinan Mustapa," katanya kepada media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Bukit Bintang di sini hari ini.

Hishammuddin berkata Pemuda Umno Kelantan juga telah memberi jaminan bahawa dalam apa jua keadaan, agenda memantapkan pergerakan itu serta parti secara keseluruhannya diberi keutamaan dengan fokus utama menghadapi Pas pada pilihan raya akan datang.

Hishammuddin diminta mengulas pengumuman Mustapa semalam mengenai peletakan jawatan sebagai Ketua Penerangan Umno bagi membolehkan beliau memberi sepenuh tumpuan terhadap Umno Kelantan.

Mustapa bagaimanapun masih mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Keputusan meletakkan jawatan ialah keputusan beliau (Mustapa) sendiri dan saya percaya Pemuda negeri menghormatinya.

"Ini lebih-lebih lagi sekiranya sebab melepaskan jawatan ialah untuk berikan keutamaan dan konsentrasi bagaimana hendak kukuhkan Umno Kelantan dan beri tumpuan untuk berdepan dengan pilihan raya umum di Kelantan," katanya.

Hishammuddin percaya peletakan jawatan Mustapa tidak akan melemahkan parti kerana ia merupakan perkara biasa dalam sesebuah parti politik di mana pemimpinnya silih bertukar ganti.

Terdahulu Hishammuddin mahukan anggota pergerakan itu di semua peringkat supaya mempersiapkan diri mulai sekarang bagi menghadapi pilihan raya akan datang dengan membuka bilik gerakan di peringkat bahagian serta cawangan.

Beliau juga mahukan semua anggota Pemuda supaya berusaha mengukuhkan jati diri agar perjuangan untuk membela nasib agama, bangsa dan negara dapat dibuktikan pada hakikat dan bukan hanya dari segi retorik seperti yang ditonjolkan oleh pembangkang.

Hishammuddin berkata kesungguhan Pemuda Umno membantu nasib pelarian rakyat Afghanistan dengan menghantar anggotanya berkhidmat di kem-kem pelarian di Chaman, Pakistan baru-baru ini membuktikan bahawa Pemuda Umno mempunyai semangat juang yang kental dan sanggup menghadapi sebarang keadaan dalam membela nasib umat Islam yang menderita.

Beliau juga mengulangi pendirian Pemuda Umno yang mengutuk pencerobohan askar-askar Yahudi terhadap wilayah Palestin yang bertindak kejam dengan membunuh rakyat yang tidak berdosa.

Katanya Pemuda Umno mahukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertindak segera menangani soal Palestin agar peristiwa penghapusan kaum seperti yang berlaku di Kosovo dan Bosnia dan Herzegovina tidak berulang.

Beliau percaya pendirian Pemuda Umno akan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada George W. Bush apabila beliau

menemui Presiden Amerika itu bulan depan.

Sehubungan itu, katanya Pemuda Umno Johor akan mengadakan perhimpunan besaran-besaran di Johor Baru pada Ahad depan bagi menyatakan sekali lagi pendirian Pemuda Umno mengenai isu Palestin di samping pendirian Pemuda Umno terhadap isu Singapura.

--BERNAMA

AKT DC ZB